

UMS hasrat jadikan laman webnya antara 10 terbaik di Malaysia

NST 07/09/2011 3

OLEH MARRYAN RAZAN
marryan@newsabah-
times.com.my

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) berhasrat menjadikan laman web universiti itu sebagai antara sepuluh laman web Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) terbaik di Malaysia sekaligus mencapai tahap lima bintang.

Naib cancellornya Prof Datuk Dr. Kamaruzaman Hj. Ampon berkata bagi mencapai hasrat itu UMS akan terus meningkatkan laman webnya dari semasa ke semasa. Laman web universiti itu telah melalui transformasi empat kali sejak UMS ditubuhkan.

Beliau berkata, dalam pelancaran laman web baru

UMS kali ini, laman web sosial facebook turut diperkenalkan sebagai ruangan untuk berkongsi pendapat dan membuka minda seluruh masyarakat yang pastinya akan membawa kemajuan kepada UMS.

"Selain itu, banyak lagi inisiatif lain yang akan dibuat oleh pihak universiti pada masa akan datang untuk meningkatkan laman web itu termasuk videoUMS dalam YouTube.

"Saya berharap transformasi laman web baharu ini dapat memberikan manfaat kepada seluruh warga UMS khususnya dan masyarakat dunia amnya agar mesej yang ingin disampaikan dapat difahami dengan berkesan dan tepat," katanya.

Beliau berkata demikian

ketika berucap pada majlis pelancaran laman web UMS, di universiti itu, di sini, kelmarin.

Turut hadir Ketua Unit Media dan Teknologi Pendidikan UMS Effendy Hadis, pegawai-pegawai utama UMS, dekan-dekan, pengarah dan ketua-ketua jabatan universiti itu.

Kamaruzaman berkata, Malaysia merupakan antara kedua tertinggi di dunia dalam penggunaan laman sosial Facebook, malah Perdana Menteri sendiri turut menggunakan facebook dalam mengetahui dan mendekati isi rakyat.

"Sehubungan itu UMS turut mengambil pendekatan ini dalam mengeratkan lagi hubungan dengan masyarakat umum khususnya kalangan

generasi muda," katanya.

Katannya lagi, teknologi ICT telah memberi perubahan besar dalam melicinkan sistem tadbir urus di universiti itu termasuk pelbagai urusan kerja harian.

"Berpaksi kepada sistem yang terdapat di laman web, beberapa kerja seperti penilaian prestasi, minit mesyuarat, rekod peribadi, permohonan latihan, permohonan cuti, urusan surat menyurat, maklumat aset dan yang terkini, catatan kehadiran boleh dicapai terus di laman maya UMS," katanya.

Kamaruzaman turut bangga atas pencapaian universiti itu dalam kedudukan Webometrik yang mana sentiasa menunjukkan peningkatan dari tahun ke tahun.

"Bermula dengan kedu-

dukan 3,900 lebih pada lima tahun lalu, UMS terus memamerkan peningkatan memberangsangkan apabila berjaya mencapai kedudukan 1,419 setakat Julai lalu.

"Ini jelas membuktikan informasi dalam laman web UMS sentiasa diakses atau dicapai dan diiktiraf oleh masyarakat global. Usaha seperti ini perlu diperkukuh dan diteruskan," katanya.

Sementara itu Effendy berkata, laman web baru universiti itu akan menyediakan ruangan banting elektronik atau iklan elektronik dalaman yang lebih luas dan pengumpulan maklumat yang mudah difahami dengan kepadatan maklumat yang lebih relevan untuk semua lapisan pelayar laman web itu.